

22/02/1998

Elak kepentingan peribadi: PM

Zainudin Isa

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan semua anggota Barisan Nasional (BN) supaya mengetepikan kepentingan peribadi serta percakaran sesama sendiri semata-mata untuk mendapatkan tempat atau jawatan dalam parti.

"Jika ahli asyik bercakaran kerana percaya tempat atau jawatan dalam parti boleh memberi pulangan besar, alamatnya porak perandalah parti itu.

"Keadaan bertambah buruk jika pemimpin cuba meletakkan penyokong atau orang kesukaannya di tempat tertentu kerana mereka mungkin menyalahgunakan kuasa atau pengaruh bagi mencapai niat itu," kata Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN.

Merasmikan mesyuarat agung Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) di Pusat Islam di sini semalam, Dr Mahathir juga mahu parti komponen BN menyelesaikan masalah dalaman parti dengan bijaksana tanpa mendedahkannya kepada orang luar.

Menurut Perdana Menteri, komponen BN mempunyai mekanisme dan pendekatan masing-masing untuk menyelesaikan sebarang perselisihan serta perbezaan pendapat.

Sambil mengakui adakalanya pemimpin perlu ditukar, Dr Mahathir bagaimanapun menegaskan penukaran itu hendaklah dilakukan secara teratur dan bijak.

"Bak kata pepatah Melayu, urusan penukaran pemimpin hendaklah seperti menarik rambut dalam tepung, rambut dikeluarkan tanpa tepung berkecamuk.

"Apa gunanya pemimpin baru yang kononnya lebih baik, jika yang hendak dipimpinya hancur berkecai," katanya di hadapan 1,850 perwakilan yang menghadiri mesyuarat berkenaan.

Turut hadir, Presiden PPP, Datuk M Kayveas; Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Mohamed Rahmat; Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; Presiden Parti Bangsa Dayak Sarawak (PBDS), Datuk Leo Moggie serta pimpinan parti komponen BN lain.

Dr Mahathir berkata, ahli perlu sedar bahawa jawatan dan kedudukan yang diperoleh, turut disusuli dengan tanggungjawab serta amanah yang besar.

"Mungkin seseorang ahli mampu mendapat jawatan, tetapi tidak boleh melaksanakan tanggungjawab seperti yang diharapkan. Bertambah buruk lagi, ada ahli menyangka jawatan atau kedudukan dalam parti boleh memberinya peluang mengejar kekayaan.

"Anggapan seperti inilah yang boleh menyusahkan kerajaan, parti dan negara. Justeru, setiap anggota BN mesti sentiasa beringat semasa memilih ketua dan pemimpin," katanya.

Menurut Dr Mahathir, apa yang penting BN bukan sahaja mesti nampak utuh, malah benar-benar kukuh dalam kepemimpinan dan perjuangannya.

"Jika parti komponen BN lemah, maka lemahlah kerajaan kita. Dengan kelemahan itu, kita boleh dijajah semula.

"Negara memerlukan kestabilan dan kepemimpinan politik yang mantap untuk menjamin segala rancangan pembangunan mencapai kejayaan," katanya.

(END)